

CNS4230

R GB 06-08 00146 BH646

bah

Mahathir - Kenangan

ALOR SETAR, 6 Ogos (Bernama) -- Kehadirannya pada Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid di sini hari ini membuatkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terkenang semula kepada zaman persekolahannya, termasuk ke sekolah berkaki ayam.

Menurutnya, beliau diterima masuk ke Standard I kolej itu pada tahun 1932 dan belajar di situ hingga 1946.

Pada masa itu ia dikenali dengan nama Government English School atau G.E.S.; dan merupakan sekolah Inggeris tunggal di Kedah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, guru kelasnya ketika itu ialah +Mr. Noor+, iaitu bapa kepada bekas Ketua Pengarah Pendidikan Tan Sri Murad Mohamad Noor.

+Saya tidak sedar ketika itu, tetapi sebenarnya saya adalah antara 30 kanak-kanak yang bernasib baik yang berpeluang mendapat pelajaran dan boleh menamatkan pelajaran di peringkat menengah dan tinggi. -- Lagi

♥06/08/18-34MST

CNS4239

R GB 06-08 00196 BH647

bah

Mahathir - Kenangan 2 Alor Setar

+Beribu-ribu kanak-kanak yang sebaya dengan saya tidak berpeluang dan tidak ada harapan untuk mendapat pelajaran ke peringkat tersebut,+ katanya ketika mewakili bekas penuntut sekolah itu berucap pada majlis tersebut hari ini.

+Oleh kerana saya tinggal di Seberang Perak saya naik +lanca+ (beca) dengan abang saya ke sekolah. Tetapi untuk kelas petang, saya terpaksa berjalan balik kaki ayam,+ katanya.

Beliau berkata, selepas Standard VI barulah bapanya membelikannya basikal +cap ayam+ buatan Jepun, selepas tangisan yang berpanjangan, untuk beliau dan abangnya.

Menurutnya, guru-guru Kolej Sultan Abdul Hamid ketika itu terdiri daripada pelbagai kaum tetapi semuanya mendapat gelaran +Pak+ daripada murid mereka. Antaranya Pak Din, Pak Tong, Pak Mutu, Pak Chye dan Pak Zain.

Beliau berkata, penuntut sekolah itu ketika itu hanya diberi pelajaran dengan tujuan hanya untuk memenuhi jawatan kerani hingga Perkhidmatan Awam Kedah (KCS).

+Apabila mendapat keputusan Senior Cambridge, mereka dipanggil mengadap Setiausaha Kerajaan dan diarah untuk menjadi kerani atau memasuki KCS atau terus belajar pertanian atau menjadi pembantu teknik.

+Yang dapat nombor satu mungkin boleh pergi ke United Kingdom untuk melanjutkan pelajaran,+ tambahnya. -- Bernama

♥06/08/18-38MST